

ENAKMEN No. 4 tahun 1999

**ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM
(SELANGOR) 1999**

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN WASIAT

3. Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat.
4. Pembuktian wasiat.
5. Wasiat bersyarat.
6. Kelayakan pewasiat.
7. Syarat benefisiari.
8. Wasiat kepada tempat-tempat ibadat dan badan kebajikan.
9. Syarat-syarat sesuatu yang diwasiatkan.
10. Wasiat atas manfaat.
11. Cara-cara perwasiatan.

BAHAGIAN III

PEMBATALAN WASIAT

12. Wasiat terbatal.
13. Wasiat orang yang ditahan menguruskan hartanya.
14. Orang yang membunuh pewasiat tidak berhak kepada wasiat.

BAHAGIAN IV

PENARIKAN BALIK WASIAT

Seksyen

15. Menarik balik wasiat.
16. Perbuatan-perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai penarikan balik wasiat.

BAHAGIAN V

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

17. Penerimaan dan penolakan wasiat.
18. Tempoh penerimaan dan penolakan wasiat.
19. Menerima sebahagian dari wasiat.
20. Penolakan sebelum dan selepas pewasiat mati.
21. Penerimaan harta yang diwasiatkan.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN BENEFISIARI

22. Wasiat yang berhubungan dengan benefisiari yang belum wujud.
23. Wasiat kepada orang tertentu.
24. Wasiat kepada anak dalam kandungan.
25. Wasiat kepada dua atau lebih anak dalam kandungan.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PELUPUSAN MELALUI PERWASIATAN

26. Wasiat kepada waris dan bukan waris.

BAHAGIAN VIII

WASIAT WAJIBAH

27. Wasiat kepada cucu.

BAHAGIAN IX

28. Hukum Syarak.
29. Kuasa membuat kaedah-kaedah.

JADUAL

ENAKMEN No. 4 tahun 1999

BETA PERKENANKAN,

**TENGGU IDRIS SHAH IBNI SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
*Pemangku Raja Selangor***

(MOHOR KERAJAAN)

15 September 1999

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan undang-undang yang berhubungan dengan wasiat orang Islam, dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999**, dan hendaklah mula berkuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuasa.

(2) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi-

(a) Negeri Selangor; dan

(b) orang yang menganut agama Islam sahaja.

Tafsiran. 2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain--

“benefisiari” ertinya orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan yang menerima faedah daripada sesuatu wasiat dan, berhubungan dengan hasil daripada sesuatu wasiat, termasuklah suatu tujuan agama atau kebajikan yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak;

“dilahirkan hidup” ertinya seseorang yang dilahirkan hidup menurut Hukum Syarak;

Enak. 2/89. “Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989;

“Hakim” ertinya seorang Hakim Syarie yang dilantik mengikut Enakmen Pentadbiran;

“Hukum Syarak” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pentadbiran:

“harta”: termasuklah harta alih dan tak alih. apa-apa manfaat dalam apa-apa harta alih atau tak alih. apa-apa hak, kepentingan, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan. sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau yang selainnya mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;

“harta pusaka” ertinya semua harta peninggalan si mati;

“iqrar” ertinya suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang sama ada secara bertulis, lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak;

“Mahkamah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pentadbiran;

“marad al-maut” ertinya penyakit membawa maut yang berhubungan dengannya syarat-syarat berikut telah dipenuhi-

- (a) penyakit itu mestilah menyebabkan kematian si mati ;
- (b) penyakit itu mestilah menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda si mati dan
- (c) mestilah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius.

“orang” termasuklah kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak;

“orang yang tak sempurna akal” ertinya--

- (a) seseorang yang didapati di bawah seksyen 10 Ordinan Sakit Otak 1952, sebagai tak sempurna akal dan tak daya menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya; *31/52*
- (b) seseorang yang diperakui gila oleh seorang pengamal perubatan dan oleh seorang Pegawai Perubatan di bawah seksyen 4 Ordinan Orang Gila Sabah; dan *Bab 74.*
- (c) seseorang yang didapati di bawah seksyen 5 Ordinan Kesihatan Mental 1961 Sarawak sebagai tak sempurna akal dan tak daya menguruskan dirinya atau hal ehwalnya, *En. 16/61.*

dan meliputi mana-mana orang lain yang tak sempurna akal dan yang tak daya menguruskan dirinya atau hal ehwalnya;

“qarinah” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen Keterangan Syariah 1996; *En. 6/96*

“urf” ertinya adat atau amalan yang diiktiraf oleh masyarakat atau golongan orang tertentu sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan;

“wali harta” ertinya seseorang yang bertanggungjawab di atas pelaksanaan sesuatu wasiat dan termasuklah seseorang yang dilantik menjadi wali harta oleh Hakim;

“waris” ertinya seseorang yang mempunyai hak mewarisi harta pusaka menurut Hukum Syarak;

“wasi” ertinya seseorang yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu dan meliputi seseorang yang disifatkan sebagai dilantik menjadi wasi oleh Mahkamah;

“wasiat” ertinya iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.

Akra 388.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing oleh Akta itu setakat yang ertinya sedemikian tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang sifat atau tafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dalam Jadual itu

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN WASIAT

Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan, atau isyarat.

3. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan lisan atau tulisan dan jika orang yang hendak membuat wasiat itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya bolehlah dibuat dengan cara isyarat yang boleh difahami.

(2) Sesuatu wasiat lisan atau wasiat dengan isyarat hendaklah dibuat di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh diterima sebagai saksi menurut Hukum Syarak,

(3) Sesuatu wasiat bertulis bolehlah dibuat dalam borang yang terdapat dalam Jadual Kedua kepada Enakmen ini.

Pembuktian wasiat.

4. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada apa-apa tuntutan tentang keesahan sesuatu wasiat selepas matinya seseorang pewasiat boleh diterima oleh Mahkamah melainkan ianya disokong oleh dokumen-dokumen yang ditulis atau ditandatangani oleh pewasiat.

(2) Jika terdapat halangan yang besar yang menghalang pengemukaan keterangan dokumentar yang disebut dalam subseksyen (1), wasiat itu bolehlah dibuktikan melalui keterangan oleh dua orang saksi.

5. (1) Sesuatu wasiat bolehlah dibuat secara mutlak atau tertakluk kepada sesuatu syarat. Wasiat bersyarat.

(2) Sesuatu wasiat yang tertakluk kepada sesuatu syarat, sama ada yang mengawal cara bagaimana harta atau manfaat sesuatu wasiat itu akan dinikmati atau kelakuan dan aktiviti benefisiari secara umum, adalah sah jika syarat itu sendiri adalah sah menurut Hukum Syarak.

(3) Sesuatu syarat kepada sesuatu wasiat adalah sah dan boleh dikuat kuasakan sekiranya syarat tersebut ialah sesuatu syarat yang memberi faedah yang sah kepada pewasiat atau benefisiari atau orang lain, dan ia tidak dilarang atau bertentangan dengan tujuan syariah.

6. (1) Seseorang pewasiat hendaklah seseorang yang- Kelayakan pewasiat.

- (a) telah mencapai umur 18 tahun;
- (b) tidak merupakan orang yang tak sempurna akal;
- (c) bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa; dan
- (d) tidak dilarang daripada menguruskan hartanya.

(2) Seseorang yang tidak layak menjadi pewasiat menurut Hukum Syarak, wasiatnya adalah tidak sah kecuali dengan izin dan kebenaran Mahkamah.

(3) Jika seseorang pewasiat dalam keadaan sakit, dia hendaklah waras fikirannya, baik ingatan dan memahami semasa wasiat dibuat.

(4) Jika seseorang pewasiat dalam keadaan marad al-maut, wasiatnya hendaklah tidak melebihi dari satu pertiga dari hartanya dan jika harta yang diwasiatkan itu melebihi satu pertiga, wasiatnya hanya boleh diterima dengan persetujuan semua waris.

Syarat
benefisiari.

7. Seseorang benefisiari wasiat itu hendaklah seseorang yang-

- (a) diketahui;
- (b) mempunyai kelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan; dan
- (c) jika ditentukan, dia hendaklah wujud ketika wasiat dibuat dan jika tidak ditentukan, benefisiari tidak disyaratkan wujud sama ada ketika wasiat itu dibuat atau ketika pewasiat itu mati.

Wasiat kepada
tempat-tempat
badat dan
badan
kebajikan.

8. Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada tempat-tempat ibadat, yayasan kebajikan, institusi akademik atau kepada mana-mana pihak yang boleh mendatangkan kebajikan umum dan jika wasiat itu tidak menentukan tujuan penggunaannya, wasiat itu hendaklah digunakan untuk apa-apa jua tujuan kebajikan umum.

Syarat-syarat
sesuat yang
diwasiatkan.

9. (1) Sesuatu yang diwasiatkan hendaklah--

- (a) sesuatu yang boleh dijadikan pusaka atau boleh menjadi perkara akad semasa hidup pewasiat;
- (b) sesuatu yang bernilai;
- (c) sesuatu yang boleh dipindahkan selepas kematian pewasiat; dan
- (d) sesuatu yang wujud dan dalam milik pewasiat, jika ditentukan dan, hendaklah wujud semasa kematian pewasiat, jika tidak ditentukan.

(2) Sesuatu yang diwasiatkan hendaklah benda yang harus dan bukan sesuatu yang haram atau maksiat atau bidaah.

Wasiat atas
manfaat.

10. Sesuatu wasiat boleh dibuat atas sesuatu manfaat korpus harta atau faedah bagi sesuatu benda dan boleh dibuat bagi satu tempoh tertentu atau untuk selama-lamanya.

11. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan cara- Cara-cara perwasiatan.
- (a) memberi harta atau bahagian yang akan diperolehi melalui pusaka, kepada benefisiari; atau
 - (b) memberi pinjaman kepada benefisiari sejumlah yang ditentukan daripada harta pusakanya dengan tidak melebihi satu pertiga, melainkan dengan kebenaran semua waris.
- (2) Tertakluk kepada subseksyen 26(2), seseorang boleh menentukan bahagian masing-masing warisnya dari harta pusaka dan, jika salah seorang daripada waris itu ditentukan bahagiannya dengan melebihi kadar yang ia berhak, harta yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat.

BAHAGIAN III

PEMBATALAN WASIAT

12. Sesuatu wasiat hendaklah menjadi batal jika- Wasiat terbatal.
- (a) pewasiat menjadi seorang yang tak sempurna akal dan mati dalam keadaan tersebut;
 - (b) benefisiari mati sebelum pewasiat;
 - (c) sesuatu yang ditentukan atau manfaat wasiat tersebut telah musnah sebelum kematian pewasiat; dan
 - (d) pewasiat menarik balik wasiatnya.
13. Sesuatu wasiat tidaklah terbatal semata-mata kerana pewasiat ditahan dari menguruskan hartanya. Wasiat orang yang ditahan menguruskan hartanya.
14. Sesuatu wasiat hendaklah menjadi batal sekiranya seseorang benefisiari dengan sengaja menyebabkan kematian pewasiat, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dia bertindak sebagai prinsipal, rakan jenayah atau pesubahat atau sebagai seorang saksi palsu yang keterangannya menyebabkan hukuman mati ke atas pewasiat dilaksanakan: Orang yang membunuh pewasiat tidak berhak kepada wasiat.

Dengan syarat bahawa pembunuhan tersebut adalah dilakukan tanpa hak atau keuzuran syarie dan benefisiari adalah sempurna akal dan telah mencapai umur matang menurut Hukum Syarak.

BAHAGIAN IV

PENARIKAN BALIK WASIAT

Menarik balik wasiat.

15. (1) Sesuatu wasiat boleh ditarik balik keseluruhan atau sebahagiannya dengan-

- (a) penarikan balik secara nyata;
- (b) penarikan balik secara tersirat; atau
- (c) membuat wasiat yang baru yang mengatasi wasiat terdahulu.

(2) Sesuatu wasiat hendaklah dianggap sebagai ditarik balik-

- (a) jika pewasiat melakukan sesuatu perbuatan atau mewujudkan suatu keadaan yang menunjukkan dengan qarinah atau urf bahawa dia telah menarik balik wasiatnya; atau
- (b) jika pewasiat telah melupuskan hartanya sehingga habis sama sekali.

Perbuatan-perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai penarikan balik wasiat.

16. Seseorang hendaklah tidak dianggap sebagai menarik balik wasiatnya atas sebab-

- (a) penafian wasiat tersebut oleh orang lain;
- (b) pewasiat telah mengubahsuai bentuk harta yang diwasiatkan; atau
- (c) pewasiat melakukan apa-apa perbuatan atau penambahan ke atas harta yang diwasiatkan di mana penambahan tersebut tidak merupakan sesuatu yang bebas dengan sendirinya, kecuali terdapat bukti, sama ada dengan qarinah atau urf, bahawa pewasiat bertujuan dengan perbuatan-perbuatan atau penambahan itu bertujuan untuk menarik balik wasiatnya.

BAHAGIAN V

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

17. (1) Sesuatu wasiat hendaklah berkuat kuasa apabila diterima oleh benefisiari sama ada secara nyata atau tersirat, selepas kematian pewasiat.

Penerimaan dan penolakan wasiat.

(2) Jika seseorang benefisiari ialah seorang kanak-kanak yang belum cukup umur menurut Hukum Syarak, atau orang yang ditegah dari menguruskan hartanya, penerimaannya atau penolakannya hendaklah disempurnakan oleh wali hartanya.

(3) Jika seseorang benefisiari ialah janin, penerimaannya atau penolakannya hendaklah disempurnakan oleh wali hartanya:

Dengan syarat janin itu hendaklah dilahirkan hidup.

(4) Jika benefisiari ialah suatu badan yang diperbadankan, penerimaannya dan penolakannya hendaklah dibuat oleh wakil sah badan yang diperbadankan tersebut.

(5) Jika wasiat itu telah dibuat kepada kumpulan orang yang tidak diperbadankan, penerimaannya dan penolakannya adalah tidak diperlukan dan wasiat itu hendaklah dibahagikan kepada sekurang-kurangnya tiga orang dari kumpulan orang tersebut.

(6) Jika seseorang benefisiari mati sebelum dia sempat menerima atau menolak wasiat, waris-warisnya hendaklah menentukan sama ada hendak menerima atau menolak wasiat tersebut.

18. (1) Penerimaan dan penolakan sesuatu wasiat bolehlah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas seseorang benefisiari mengetahui tentang kematian pewasiat dan wujudnya wasiat tersebut:

Tempoh penerimaan dan penolakan wasiat.

Dengan syarat benefisiari tersebut tidak mempunyai apa-apa keuzuran yang munasabah yang menyebabkan kelewatan penerimaan dan penolakannya terhadap wasiat itu.

(2) Seseorang waris pewasiat boleh membuat permohonan di Mahkamah untuk mendapat satu perintah mengarahkan seseorang benefisiari menyatakan penerimaan atau penolakannya terhadap sesuatu wasiat.

Menerima sebahagian dari wasiat.

19. (1) Apabila seseorang benefisiari menerima sebahagian dari wasiat dan menolak sebahagian yang lain, bahagian yang diterima itu hendaklah dianggap sah dan bahagian yang ditolak itu hendaklah terbatal.

(2) Apabila terdapat sebahagian dari benefisiari menerima wasiat dan sebahagian yang lain pula menolaknya, hendaklah dianggap sah bagi mereka yang menerima dan terbatal bagi mereka yang menolaknya.

Penolakan sebelum dan selepas pewasiat mati.

20. (1) Sesuatu wasiat tidaklah terbatal sekiranya penolakannya dibuat sebelum seseorang pewasiat mati.

(2) Apabila seseorang benefisiari menolak wasiat keseluruhan atau sebahagiannya selepas mati seseorang pewasiat dan pada ketika itu benefisiari itu belum lagi menerimanya, bahagian yang ditolak itu hendaklah terbatal.

(3) Apabila seseorang benefisiari telah menerima wasiat setelah kematian seseorang pewasiat, tetapi selepas itu dia menolaknya keseluruhan atau sebahagian wasiat itu, penolakan itu hendaklah tidak sah.

Penerimaan harta yang diwasiatkan.

21. (1) Tertakluk kepada seksyen 17 dan 18, jika seseorang benefisiari wujud semasa kematian seseorang pewasiat, dia hendaklah berhak terhadap harta yang diwasiatkan itu dari masa kematian itu:

Dengan syarat tidak ada masa tertentu, selepas kematian tersebut, ditetapkan.

(2) Semua keuntungan atau penambahan kepada harta yang diwasiatkan semenjak dari ia dimiliki sehingga diterimanya hendaklah menjadi hak benefisiari dan tidak dikira sebagai wasiat dan segala perbelanjaan dalam tempoh tersebut adalah tertanggung ke atas benefisiari itu.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
BENEFISIARI

22. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada benefisiari yang yang belum wujud dan kepada sekumpulan benefisiari tertentu yang sebahagiannya telah wujud dan yang sebahagian lagi belum wujud.

Wasiat yang berhubungan dengan benefisiari yang belum wujud.

(2) Jika tidak terdapat benefisiari yang disebut dalam subseksyen (1) ketika seseorang pewasiat mati, harta atau manfaat yang diwasiatkan itu hendaklah dibahagikan kepada semua warisnya yang berhak menerima harta pusaka.

(3) Jika terdapat seorang sahaja dari beberapa orang benefisiari semasa pewasiat mati atau selepasnya, harta tersebut hendaklah diberi kepada benefisiari yang wujud pada masa itu sehingga muncul benefisiari yang lainnya, dan pada masa itu, harta tersebut hendaklah dibahagikan antara mereka dan jika salah seorang dari mereka mati, bahagiannya hendaklah menjadi harta pusaka.

(4) Jika terdapat seorang benefisiari sahaja, dia hendaklah memperolehi semua harta itu kecuali jika terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pewasiat sebenarnya bertujuan untuk mewasiatkan kepada beberapa orang benefisiari, dan dalam keadaan demikian, benefisiari yang wujud itu hendaklah diberi bahagiannya sahaja dan bakinya hendaklah diberikan kepada waris-waris pewasiat yang lain.

(5) Jika sesuatu wasiat itu dibuat secara berturutan, dan apabila seseorang pewasiat mati, wasiat itu hendaklah diberikan kepada penerima peringkat pertama dan selepasnya sehingga selesai semua harta itu dan wasiat tersebut akan menjadi harta pusaka semula apabila penerima kedua-dua peringkat itu telah tidak wujud lagi kecuali telah diwasiatkan untuk diberi kepada benefisiari yang lain selepas kedua-dua peringkat benefisiari tersebut.

Wasiat kepada pihak tertentu. 23. (1) Tertakluk kepada seksyen 22, jika sesuatu wasiat telah dibuat kepada sejumlah orang yang tertentu tanpa menyebut nama mereka dan sebahagian daripada mereka telah hilang kelayakan untuk menerima wasiat semasa pewasiat mati, semua harta itu hendaklah dibahagikan kepada benefisiari yang layak sahaja.

(2) Jika sesuatu wasiat ialah suatu wasiat secara berkongsi antara orang tertentu dan kumpulan atau organisasi atau antara satu kumpulan dan satu organisasi, atau antara mereka semua, setiap orang tertentu dan setiap individu dari kumpulan yang terhad itu dan setiap organisasi yang tidak terhad itu hendaklah berhak memperolehi bahagian masing-masing

(3) Jika sesuatu wasiat bagi orang, kumpulan orang atau pihak tertentu terbatal, harta yang diwasiatkan yang menjadi bahagian orang, kumpulan orang atau pihak tertentu itu hendaklah menjadi harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada anak dalam kandungan. 24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan hendaklah sah dalam keadaan-keadaan yang berikut-

(a) jika seseorang pewasiat membuat iqrar wujudnya anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak; dan

(b) jika seseorang pewasiat tidak membuat apa-apa iqrar wujudnya anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu dan jika seseorang perempuan yang mengandungkan anak tersebut sedang dalam iddah talak rajie atau dalam iddah mati atau iddah bain, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan dalam tempoh yang sah menurut Hukum Syarak.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu adalah anak yang sah menurut Hukum Syarak dari keturunan orang tertentu itu.

(3) Harta anak yang belum dilahirkan itu hendaklah disimpan oleh wali harta atau wasinya, mengikut mana yang berkenaan, sehingga dilahirkan dan selepas itu harta tersebut hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia berkelayakan untuk menerimanya.

25. Jika seseorang perempuan yang mengandung melahirkan, sama ada pada satu masa atau pada masa yang berlainan yang lapnya adalah kurang daripada enam bulan, dua atau lebih anak, wasiat hendaklah-

Wasiat untuk anak dalam kandungan lebih dari seorang, dsb.

- (a) dibahagi sama rata antara mereka, melainkan disyaratkan sebaliknya dalam wasiat itu;
- (b) jika salah seorang daripada mereka dilahirkan mati, anak yang hidup itu hendaklah berhak kepada semua wasiat itu, melainkan disyaratkan sebaliknya dalam wasiat itu; dan
- (c) jika mana-mana seorang anak itu mati selepas dilahirkan dan sekiranya wasiat itu adalah berhubungan dengan korpus harta, bahagiannya hendaklah berpindah kepada waris-warisnya, dan dalam hal wasiat yang berhubungan dengan manfaat, bahagiannya hendaklah diserahkan kepada waris-waris pewasiat.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN PELUPUSAN MELALUI PERWASIATAN

26. (1) Jika sesuatu wasiat dibuat kepada seseorang yang bukan waris atas kadar yang tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka pewasiat selepas diselesaikan segala hutangnya, wasiat tersebut hendaklah berkuat kuasa tanpa perlu mendapat apa-apa persetujuan waris-warisnya.

Wasiat kepada waris dan bukan waris.

(2) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang waris atas kadar yang melebihi satu pertiga, hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.

(3) Sesuatu wasiat yang dibuat oleh orang yang berhutang hanya akan terlaksana setakat harta pusaka yang berbaki selepas dijelaskan segala hutangnya.

BAHAGIAN VIII

WASIAT WAJIBAH

Wasiat kepada
cucu.

27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

(2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka simati.

(3) Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan

jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.

BAHAGIAN IX

AM

28. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu. Hukum Syarak.

(2) Jika terdapat apa-apa kekosongan atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

29. Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini dan khususnya, tanpa menjejaskan keluasan peruntukan tersebut, kaedah-kaedah itu bolehlah memperuntukkan bagi- Kuasa membuat kaedah-kaedah

- (a) borang, daftar dan dokumen-dokumen lain yang digunakan berkaitan dengan tindakan atau perkara yang dibuat di bawah atau mengikut Enakmen ini;
- (b) bentuk apa-apa sijil, notis atau lain-lain dokumen yang dikehendaki bagi maksud melaksanakan Enakmen ini;
- (c) membuat pencarian-pencarian dan memberi salinan-salinan yang diperakui; dan
- (d) lain-lain perkara yang perlu bagi maksud melaksanakan Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA
(Subseksyen 2(3))

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN
UNGKAPAN TERTENTU

<i>Hakim</i>	-	حاكم
<i>Hakim Syarie</i>	-	حاكم شرعي
<i>Hukum Syarak</i>	-	حكوم شرع
<i>Iddah</i>	-	عدة
<i>Iddah bain</i>	-	عدة باتن
<i>Iqrar</i>	-	اقرار
<i>Marad al maut</i>	-	مرض الموت
<i>Qarinah</i>	-	قرينه
<i>Talaq raj'i</i>	-	طلاق رجعي
<i>Urf</i>	-	عرف
<i>Waris</i>	-	وارث
<i>Wasi</i>	-	واصي
<i>Wasiat</i>	-	واصية

JADUAL KEDUA

(Subseksyen 4(3))

BORANG WASIAT BERTULIS

بسم الله الرحمن الرحيم

(Dengan nama Allah, Yang Amat Pemurah, Amat Mengasihani)

Segala puji bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad
Sallallahualaihi Wassalam.

Ini adalah wasiat terakhir saya.....
(nyatakan nama)

No. Kad Pengenalan.....
yang beralamat
(nyatakan alamat)

.....

dengan disaksikan oleh saksi-saksi yang bertandatangan di bawah dan yang menyaksikan bahawa saya berada di dalam keadaan sihat dan waras fikiran yang membolehkan saya memahami bentuk wasiat dan akibat yang berbangkit daripadanya serta menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah yang Esa, tidak ada sekutu bagiNya dan Nabi Muhammad adalah hambaNya dan RasulNya dan bahawasanya Syurga itu benar dan bahawa Hari Kiamat akan tiba tidak ragu-ragu lagi dan Allah akan membangkitkan semua ahli kubur:

Saya mewasiatkan kepada anak, keluarga dan kaum kerabat saya supaya bertaqwa kepada Allah Azzawajalla dan mentaatinya serta berdiri teguh di atas syariat dan ugamaNya dan mati di dalam Agama Islam, begitu juga saya mewasiatkan bahawa apabila ajal yang ditetapkan Allah ke atas makhlukNya tiba, mereka hendaklah berhati-hati dengan harta peninggalan saya; iaitu dimula dengan membelanjakan untuk menyempurnakan jenazah saya sehingga selamat dikebumikan; kemudian dibayar segala hutang saya yang tertanggung ke atas zimmah saya dan yang diakui di hadapan saksi-saksi saya, iaitu, dibayar kepada

*
(nyatakan nama atau nama-nama)

sejumlah.....
(sebut jumlah)

dan dikeluarkan sehingga satu pertiga dari harta saya untuk diberi

kepada*
(nyatakan urutan nama waris)

kemudian bakinya di bahagi kepada waris-waris saya. Mereka ialah

*(nyatakan nama-nama) mengikut sebagaimana ditetapkan oleh Syariat Allah Ta'ala dan saya berpesan supaya mereka menjaga anak-anak saya yang masih kecil. Mereka ialah

*(sebut nama atau nama-nama) serta menyimpan bagi bahagian mereka masing-masing sehingga baligh dan matang pemikiran; telah mewasiatkan demikian semuanya kepada

.....(nyatakan nama atau nama-nama wasi) sebagai wasi atau wasi-wasi dan saya mempercayai agamanya, amanahnya, adilnya dan berpuashati kepadanya dan

terserahlah kepadanya apa yang difikirkan patut untuk kebaikan mereka dan diterima oleh wasi atau wasi-wasi semua yang tersebut mengikut Hukum Syarak di hadapan saksi-saksi serta diturunkan tandatangan dan dibaca (berlafaz).

Ditandatangani oleh pewasiat di atas di hadapan kami, yang di atas permintaannya dan di hadapannya kami menurunkan nama-nama kami sebagai saksi-saksi.

.....
(Tandatangan Pewasiat)

.....
Nama Saksi (1))

.....
(Tandatangan)

.....
Nama Saksi (2))

.....
(Tandatangan)

*potong mana yang tidak berkait

Diluluskan pada 9hb Ogos 1999.
[P.U. Sel. AGM/0037; JAI Sel. 6976.]

ASMAWAR BIN SAMAT,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor

ENACTMENT No. 4 of 1999
MUSLIM WILLS (SELANGOR)
ENACTMENT 1999

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I
PRELIMINARY

Section

1. Short title, application and commencement.
2. Interpretation.

PART II
EXECUTION OF WILL

3. Will may be made orally, in writing, or by gesture.
4. Proof of will.
5. Conditional will.
6. Competency of testator.
7. Condition of beneficiary.
8. Bequest to places of worship or welfare institution.
9. Condition of subject matter of will.
10. Bequest of usufruct.
11. Mode of will.

PART III
INVALIDATION OF WILL

12. Invalidation of will.
13. A will of a person who is prohibited from administering his property.
14. Beneficiary who has caused the death of testator is not entitled to the will.

PART IV

REVOCATION OF WILL

Section

15. Revocation of will.
16. Acts which may not be deemed to be revocation of will.

